


BINCANG

...(dari kiri) Anuar Darus, Mohd Rizal Bahari dan Masharuddin Kassim berbincang sebelum menyerahkan memorandum semalam.



Bimbang bah besar

14,000 penduduk kluatir pembinaan
Empangan Kelau beri kesan jangka panjang *metro 1/2*

>>Oleh Manan Samad
manansamad@hmetro.com.my

PUTRAJAYA: Kira-kira 14,000 penduduk berhampiran tapak pembinaan Empangan Kelau, Pahang, kluatir pelaksanaan projek itu kelak akan memberi kesan negatif terhadap kehidupan mereka pada masa depan termasuk menghadapi kemungkinan banjir besar, selain menjejaskan alam sekitar.

Ini kerana, penduduk mendakwa, 16 peratus daripada 1,055 hektar Hutan Simpan Lakum akan ditenggelamkan untuk membolehkan projek empangan itu dilaksanakan.

Pengerusi Badan Bertindak Pemuliharaan Hutan Simpan Lakum, Zubir Harun, berkata tindakan itu akan menjejaskan kualiti udara dan air, mengancam flora dan tumbuhan, menghapus flora dan hidupan liar serta menjadikan kawasan

terbabit berisiko tinggi dilanda banjir.

“Cadangan membina Empangan Kelau akan menjejaskan lima kawasan utama iaitu Hutan Simpan Lakum, Skim Felda Kelau, Perlindungan Felda Krau (Krau 2,3,4), Rizab Orang Asli Sungai Temir dan Rancangan Tanah Pemuda.

“Kami tidak rela apa yang berlaku di Empangan Sembrong hingga menyebabkan banjir teruk di Batu Pahat dialami penduduk pada masa depan.

“Penduduk tidak membantah cadangan pemindahan air mentah dari Pahang ke Selangor, cuma membantah pembinaan Empangan Kelau. Kami berharap kerajaan dapat mencari jalan untuk mencari kaedah yang bersifat lebih mesra alam berbanding cadangan sedia ada,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Jabatan Perdana Menteri di sini, se-

malam, sebelum menyerahkan memorandum kepada Setiausaha Sulit Kanan Perdana Menteri, Ahmad Yakob.

Memorandum itu turut ditandatangani 5,000 penduduk dan pencinta alam sekitar.

Mengikut perancangan asal, projek itu akan dimulakan tahun ini atau tahun depan untuk mengatasi masalah krisis bekalan air yang dijangka akan berlaku di Lembah Klang pada 2010.

Cadangan itu turut diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) tahun lalu.

Zubir berkata, cadangan pembinaan empangan itu dan kawasan tadahan akan membabitkan penghapusan pelbagai jenis flora dan tumbuhan yang tinggi nilainya, selain menjejaskan hidupan liar.